



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**MAKLUMAT
ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA
(AKSIS 2024/2025)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA 2024/2025 UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

A) LATAR BELAKANG

Anugerah Kecemerlangan Siswa merupakan platform terbaik untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kepimpinan mahasiswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten selari dengan Lonjakan 1 Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 iaitu Pembelajaran berpaksikan kemanusiaan, berciri keusahawanan dan adaptif. Anugerah ini membuka peluang kepada mahasiswa untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan sahsiah di USIM bagi melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam aspek kepimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawanan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam dan lain-lain.

B) OBJEKTIF

Penganjuran Anugerah Kecemerlangan Siswa bertujuan untuk:

- Memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu dan persatuan/kelab dalam pengurusan organisasi dan pelaksanaan program/aktiviti mahasiswa;
- Mengiktiraf peranan individu dan persatuan/kelab yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan oleh USIM dalam pelaksanaan program/aktiviti kemahasiswaan; dan
- Memberi kesedaran, motivasi serta peluang kepada para mahasiswa untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan yang cemerlang.

C) ANUGERAH YANG DIPERTANDINGKAN

- I. Sebanyak **12 anugerah** mengikut kategori individu, **1 anugerah sinergi (berkumpulan)** dan **1 anugerah utama** akan dipertandingkan mengikut ketetapan seperti berikut:

ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA	
ANUGERAH UTAMA: TOKOH AKSIS	
ANUGERAH MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN	
KATEGORI INDIVIDU	
1.	Tokoh Kepimpinan Siswa
2.	Tokoh Seni Warisan Siswa
3.	Tokoh Keusahawanan Siswa
4.	Tokoh Sukan dan Rekreasi Siswa
5.	Tokoh Wira Bicara Siswa
6.	Tokoh Daya Usaha Inovasi Siswa
7.	Tokoh Sukarelawan Siswa
8.	Tokoh Komuniti Siswa
9.	Tokoh Inklusif Siswa
10.	Tokoh Perpaduan Siswa
11.	Tokoh Kelestarian Siswa
KATEGORI PASUKAN	
12.	Anugerah Sinergi Kepimpinan Siswa
PENGHARGAAN KHAS	
13.	Penghargaan Khas Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti <ul style="list-style-type: none">• Pasukan
14.	Penghargaan Khas Naib Canselor <ul style="list-style-type: none">• Individu

II. Keterangan Anugerah Mengikut Kategori Yang Dipertandingkan.

ANUGERAH TOKOH UTAMA INDIVIDU

TOKOH AKSIS:

Pengiktirafan tertinggi kepada mahasiswa USIM yang menonjol dalam aspek kepimpinan, akademik, sahsiah, dan sumbangan kepada masyarakat di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Mahasiswa ini menjadi contoh teladan kepada pelajar lain melalui pencapaian luar biasa, keupayaan memimpin, idea yang bernas, serta komitmen yang konsisten dalam memajukan komuniti kampus, negara, dan dunia.

KATEGORI INDIVIDU

1. TOKOH KEPIMPINAN SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang berwibawa, berintegriti dan berpengaruh dalam memimpin organisasi atau inisiatif mahasiswa di peringkat universiti, nasional atau antarabangsa. Mahasiswa ini berperanan sebagai pemimpin teladan yang mampu merancang, menggerakkan dan melaksanakan program berimpak tinggi serta memberi inspirasi kepada rakan sebaya melalui kepimpinan strategik, kemahiran komunikasi yang berkesan dan keupayaan membuat keputusan yang matang.

2. TOKOH SENI DAN WARISAN SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang seni, budaya dan warisan melalui penglibatan aktif, pencapaian signifikan serta sumbangan bermakna dalam memartabatkan seni dan warisan bangsa. Mahasiswa ini memainkan peranan penting dalam mempromosikan, melestarikan serta memperkayakan khazanah seni dan budaya melalui penganjuran program, persembahan, penyelidikan atau penghasilan karya kreatif di peringkat universiti, nasional atau antarabangsa.

3. TOKOH USAHAWAN SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang keusahawanan melalui pembangunan perniagaan, inovasi produk atau pelaksanaan projek keusahawanan yang memberi impak positif kepada komuniti kampus, masyarakat dan ekonomi. Mahasiswa ini memperlihatkan ciri-ciri usahawan yang berdaya tahan, kreatif dan berwawasan dalam meneroka peluang perniagaan serta mengaplikasikan kemahiran pengurusan, kepimpinan dan strategi pemasaran secara berkesan.

4. TOKOH SUKAN DAN REKREASI SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang sukan dan rekreasi melalui pencapaian cemerlang, disiplin tinggi serta sumbangan signifikan dalam memajukan aktiviti sukan dan gaya hidup sihat di kalangan komuniti kampus dan masyarakat. Mahasiswa ini bukan sahaja menyerlah dalam prestasi sukan, malah turut memainkan peranan sebagai duta sukan universiti serta menggalakkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti rekreasi dan kecergasan fizikal.

5. TOKOH WIRA BICARA SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengucapan awam, advokasi, debat, pidato atau komunikasi strategik. Mahasiswa ini menonjol melalui keupayaan menyampaikan idea, hujah dan pandangan secara jelas, kritis dan berwibawa melalui pelbagai platform termasuk forum intelektual, pertandingan debat, pidato, media massa atau media digital serta berperanan sebagai suara mahasiswa dalam memperjuangkan isu-isu berkaitan masyarakat, negara dan kemanusiaan..

6. TOKOH DAYA USAHA INOVASI SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan kecemerlangan dalam menghasilkan inovasi, penyelesaian kreatif atau pembangunan teknologi baharu yang memberi impak positif kepada komuniti kampus, masyarakat, industri atau negara. Mahasiswa ini memperlihatkan kemampuan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran secara kreatif dalam menyelesaikan masalah, meningkatkan kecekapan sistem atau menghasilkan produk yang berpotensi untuk dikomersialkan atau dimanfaatkan secara meluas.

7. TOKOH SUKARELAWAN SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM menunjukkan komitmen tinggi, dedikasi dan semangat kesukarelawanan yang luar biasa dalam membantu komuniti, menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, dan memupuk nilai kemanusiaan. Mahasiswa ini menonjol melalui sumbangan masa, tenaga, kemahiran, dan kepakaran secara sukarela demi manfaat masa tanpa mengharapkan ganjaran material.

8. TOKOH KOMUNITI SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang memainkan peranan penting dalam memimpin, merancang dan melaksanakan program pembangunan komuniti yang memberi manfaat kepada masyarakat. Mahasiswa ini berperanan sebagai penghubung antara universiti dan masyarakat melalui pelaksanaan inisiatif pembangunan sosial, pendidikan, ekonomi atau kesejahteraan komuniti secara berkesan dan berimpak tinggi.

9. TOKOH INKLUSIF SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan komitmen dan kepimpinan dalam mempromosikan prinsip keterangkuman (*inclusivity*) dalam kalangan masyarakat kampus dan komuniti. Mahasiswa ini aktif dalam memperjuangkan kesaksamaan peluang, menghormati kepelbagaian latar belakang serta mewujudkan persekitaran yang adil, inklusif dan mesra kepada semua termasuk golongan berkeperluan khas, minoriti atau mereka yang kurang berpeluang.

10. TOKOH PERPADUAN SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang memainkan peranan penting dalam memupuk dan mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Mahasiswa ini berperanan sebagai agen penyatuan melalui pelaksanaan program, dialog antara budaya serta inisiatif yang menggalakkan keharmonian, toleransi dan saling menghormati dalam kalangan masyarakat majmuk.

11. TOKOH KELESTARIAN SISWA:

Pengiktirafan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan komitmen dan kepimpinan dalam mempromosikan amalan kelestarian alam sekitar, sosial dan ekonomi. Mahasiswa ini aktif dalam merancang dan melaksanakan inisiatif berkaitan pemuliharaan alam sekitar, penggunaan sumber secara berhemah serta menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals – SDG*) melalui projek atau program yang memberi impak positif kepada komuniti dan generasi akan datang.

KATEGORI KUMPULAN

12. ANUGERAH SINERGI KEPIMPINAN SISWA:

Pengiktirafan Pengiktirafan kepada kumpulan mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan kecemerlangan kepimpinan secara kolaboratif melalui pelaksanaan program atau inisiatif berimpak tinggi yang memberi manfaat kepada komuniti kampus, masyarakat atau pihak berkepentingan. Kumpulan ini telah memperlihatkan keupayaan merancang, menggerakkan dan melaksanakan program secara strategik melalui kerjasama pelbagai pihak termasuk mahasiswa, komuniti, agensi kerajaan, industri atau organisasi luar. Penilaian anugerah ini menekankan aspek impak pelaksanaan program, keberkesanan tadbir urus, kekuatan sinergi kepimpinan serta keupayaan memanfaatkan sumber secara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan perubahan positif yang berterusan.

D) PENGHARGAAN KHAS

1. PENGHARGAAN KHAS PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (PASUKAN):

Pengiktirafan istimewa yang diberikan kepada mana-mana badan pelajar atau organisasi mahasiswa di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan organisasi serta sumbangan signifikan kepada pembangunan mahasiswa dan universiti. Penghargaan ini diberikan kepada organisasi mahasiswa yang berjaya menggerakkan inisiatif atau program berimpak tinggi melalui kepimpinan strategik, kerjasama berpasukan serta jaringan kolaborasi dengan pelbagai pihak. Organisasi ini juga berperanan sebagai pemangkin pembangunan modal insan mahasiswa melalui pelaksanaan aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan sahsiah, kepimpinan, akademik dan khidmat kepada masyarakat.

2. PENGHARGAAN KHAS NAIB CANSOLOR (INDIVIDU):

Pengiktirafan khusus yang diberikan kepada mahasiswa/mahasiswi USIM yang menunjukkan kecemerlangan dan pencapaian luar biasa dalam bidang akademik, kepimpinan, inovasi, keusahawanan, kesukarelawanan atau pembangunan komuniti. Mahasiswa yang menerima penghargaan ini memperlihatkan komitmen tinggi, daya kepimpinan yang berintegriti serta sumbangan bermakna yang memberi impak positif kepada komuniti kampus, masyarakat atau negara melalui penglibatan aktif dalam pelbagai inisiatif pembangunan mahasiswa.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

SYARAT-SYARAT PENCALONAN ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA 2024/2025

- 1) Penyertaan adalah **terbuka kepada semua mahasiswa / mahasiswi USIM warganegara Malaysia** yang belajar secara **sepenuh masa** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda sahaja**.
- 2) Pencalonan bagi **Tokoh Antarabangsa Siswa** hanya dibuka kepada mahasiswa antarabangsa di USIM yang belajar secara **sepenuh masa** di peringkat **Ijazah Sarjana Muda sahaja**.
- 3) Calon hendaklah berstatus **aktif dalam pengajian sehingga 31 Ogos 2025**.
- 4) Penilaian adalah bagi pencapaian dan program yang dianjurkan sepanjang **Sesi Akademik 2024/2025 (bermula 1 Oktober 2024 hingga 30 September 2025)** sahaja.
- 5) Calon mestilah memiliki **CGPA TERKINI** sekurang-kurangnya **3.00** serta **bebas tindakan tatatertib** sepanjang tempoh pengajian.
- 6) Borang pencalonan yang telah lengkap hendaklah **DISAHKAN** oleh **Ketua PTJ /Timbalan Dekan (HEPA)/ Pengetua Kolej Kediaman/ Penasihat Badan Pelajar**.

Nota:

Permohonan	Pengesah
Fakulti	Timbalan Dekan HEPA
Kolej	Pengetua Kolej Kediaman
PTJ HEPA	Pengarah
Badan Pelajar Selain HEPA	Ketua Pusat Tanggungjawab/ Penasihat

- 7) Calon hendaklah mengemukakan **MAKSIMUM 10 PROGRAM SAHAJA YANG MENUNJUKKAN PENCAPAIAN BERSAMA-SAMA BUKTI** yang dilaksanakan pada sesi **2024/2025 (bermula 1 Oktober 2024 hingga 30 September 2025)**.
- 8) Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 April 2025 (Isnin) jam 5.00 petang**.
- 9) Borang yang **Tidak Lengkap** atau **Terdapat Sebarang Penipuan TIDAK** akan diproses.
- 10) Keputusan Jawatankuasa Anugerah Kecemerlangan Siswa adalah **MUKTAMAD**.